

# Bab 5

# Kesultanan

# Melayu Melaka

Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

© Alaf Sanjung Sdn. Bhd. (516756-V)

Back

Next

# 5.2

# Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka


Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

© Alaf Sanjung Sdn. Bhd. (516756-V)

Back

Next

# Faktor Kegemilangan



Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

© Alaf Sanjung Sdn. Bhd. (516756-V)

Back

Next

# Kepemimpinan Raja Raja

- Raja merupakan ketua pemerintah dan ketua kerajaan yang memiliki kuasa tertinggi .
- Hak kuasa ini berpunca daripada beberapa sumber seperti berikut .

## Kepemimpinan Raja

### Keturunan Raja Palembang

- Menurut teks *Sulalatus Salatin* , pemerintah Melaka berasal daripada zuriat keturunan anak Raja Palembang yang bersusur galur daripada Iskandar Zulkarnain
- Susur galur ini memberikan taraf kedudukan yang tinggi kepada Sultan Melaka berbanding kerajaan lain di Alam Melayu

### Peranan yang Unggul

Peranan raja dalam sistem pemerintahan:

- Menjadi simbol perpaduan dan kemakmuran
- Merupakan ketua angkatan tentera
- Mengetuai hubungan diplomatik
- Menyelaras kegiatan ekonomi
- Menjadi Ketua Agama Islam
- Menegakkan keadilan

# Kepemimpinan Raja

## Daulat dan Alat Kebesaran

- Kepemimpinan raja dikaitkan dengan konsep daulat dan derhaka , adat istiadat istana dan alat kebesaran diraja
- Daulat –kuasa dan kewibawaan raja sebagai pemimpin . Rakyat mengaku i kedaulatan raja dengan memberikan taat setia sepenuhnya dan tidak boleh menderhaka kepada raja
- Contoh alat kebesaran diraja – cap mohor, nobat, keris, lembing dan mahkota yang digunakan semasa upacara istiadat pertabalan, perkahwinan dan kemangkatan raja
- Ketiga-tiga konsep ini menjadikan raja memiliki kedudukan yang tinggi dan istimewa dan mengukuhkan kedudukan raja dalam sistem pemerintahan

# Kepemimpinan Raja-Raja

## Kewibawaan

- Antara ciri kepemimpinan yang dimiliki raja-adil, berwibawa dan mengambil berat terhadap kebajikan rakyat
- Pemerintahan raja adalah berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan mengikut *Hukum Kanun Melaka*
- Pemerintah yang mengutamakan keamanan dan kebajikan rakyat:
  - (i) Sultan Muzaffar Shah
  - (ii) Sultan Mansur Shah (Baginda turut menasihatkan puteranya, Sultan Alauddin Riayat Shah supaya bersikap adil terhadap rakyat, menyiasat segala tuduhan dengan teliti dan bekerjasama dengan pegawai-pegawaiinya)

# Sistem Pentadbiran

- Sultan berada di puncak sistem pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.
- Pembesar dilantik oleh sultan untuk membantunya dalam pentadbiran .

## (a) Sistem Pembesar Empat Lipatan

- Menjadi asas pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.
- Sistem ini bermaksud pada setiap peringkat pentadbiran, terdapat pembesar yang dilantik oleh pemerintah bagi membantu melicinkan pentadbiran.
- Sultan dibantu oleh pembesar berempat, pembesar berlapan, pembesar enam belas dan pembesar tiga puluh dua.
- Pembesar ini mentadbir pada peringkat pusat, jajahan, daerah, mukim dan kampung.




## (b) Tugas Pembesar

- Pembesar bertanggungjawab mewujudkan sistem pentadbiran yang berkesan seperti :
  - Menjaga keamanan kawasan
  - Mengutip cukai dan hasil lain melalui **sistem serah**
  - Membekalkan tenaga tentera ketika perang dan menyediakan tenaga buruh melalui **sistem kerah**

Sistem Serah	<ul style="list-style-type: none"><li>– Pemberian sebahagian daripada hasil tanaman yang diusahakan oleh rakyat kepada pemerintah sebagai balasan kepada pembesar yang menyediakan tanah untuk rakyat</li><li>– Kadar dan nilai serahan bergantung pada hasil tanaman dan ternakan yang diperoleh</li></ul>
Sistem Kerah	<ul style="list-style-type: none"><li>– Sesuatu pekerjaan yang dibuat tanpa diberi upah seperti membina istana, kubu, jalan dan saliran</li><li>– Sistem ini menunjukkan wujud sikap taat setia, sedia berkorban dan rakyat berganding bahu untuk membantu pemerintah</li></ul>

- Pembesar juga dikurniakan kawasan khas untuk ditadbir oleh pemerintah Melaka sebagai tanda untuk mendapat sokongan pembesar bagi mewujudkan pentadbiran yang mantap .
  - Kawasan yang dikurniakan kepada pembesar berempat dikenali sebagai **kawasan pegangan** , manakala kawasan pembesar jajahan dan daerah pula dikenali sebagai **kawasan pemakanan**
  - Pembesar dibenarkan mengutip cukai di kawasannya dan menyerahkannya kepada pemerintah sebagai ufti

- **Pembesar berempat** merupakan pembesar peringkat pusat yang menjadi tonggak utama pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.
- Pembesar berempat turut dikenali sebagai **Orang Kaya Berempat** yang terdiri daripada **Bendahara , Penghulu Bendahari , Temenggung dan Laksamana .**



Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

- Pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan yang mantap telah membawa keamanan dan kemakmuran kepada Kesultanan Melayu Melaka dan seterusnya diwarisi oleh kerajaan Melayu yang lain.

## Aktiviti Interaktif

Mengenal pasti dan membandingkan jawatan pembesar berempat yang paling hampir dengan jawatan Perdana Menteri pada masa kini  
**Bendahara**

- Kedua-dua jawatan ini berperanan menasihati raja / Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal pentadbiran negara
- Bendahara dan Perdana Menteri juga merupakan menteri utama peringkat pusat dan dibantu oleh para pembesar / menteri-menteri lain

# Sistem Perundangan

- Kesultanan Melayu Melaka telah memperkenalkan sistem perundangan yang mantap .
- *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang -undang Laut Melaka* merupakan antara undang-undang tersohor kesultanan ini.

## *Hukum Kanun Melaka*

- Mula ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaaffar Shah (1446-1456) dan disusun semula secara teratur semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1489-1511).
- Terdapat 44 fasal yang berkaitan hak keistimewaan, tanggungjawab raja dan pembesar.
- Undang-undang ini juga mengandungi hukum Islam yang berkaitan dengan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan.
- Selain dapat mewujudkan keamanan dan menjamin keselamatan rakyat, *Hukum Kanun Melaka* telah berjaya mengatasi jenayah di dalam negeri Melaka dengan baik dan terurus.

## *Undang - Undang Laut Melaka*

- Ditulis semasa zaman Sultan Mahmud Shah untuk menentukan peraturan pelayaran dan perdagangan .
- Terdapat 25 fasal yang menerangkan peraturan di laut , tertib bermiaga dan tatacara berjual beli .
- Selain itu , terdapat juga perkara berkaitan tanggungjawab nakhoda , anak kapal , kiwi dan syahbandar .
- *Undang -Undang Laut Melaka* telah melancarkan aktiviti perdagangan dan dapat berjalan dengan adil sekali gus memberikan keyakinan kepada para pedagang .

## Undang - Undang Adat

- Dikenali sebagai Adat Temenggung yang diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan di Palembang.
- Mengandungi hal-hal berkaitan sistem pemerintahan , perwarisan takhta , perkahwinan , perwarisan harta dan perundangan .
- Terdapat juga hal berkaitan sistem penggantian sultan, iaitu takhta kerajaan diwarisi oleh anak lelaki yang sulung . Hal ini membolehkan sistem perwarisan takhta berlaku secara teratur .
- Undang -undang adat ini mengamalkan sistem pemerintahan beraja , iaitu kuasa tertinggi terletak di tangan sultan atau raja.
- Adat Temenggung dibawa masuk ke Melaka pada awal abad ke-15 seterusnya disebarluaskan ke negeri Melayu yang lain dan diamalkan di semua negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan.

# Aspek Kegemilangan

## Aspek Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

Empayar yang luas

Pusat penyebaran agama Islam

Pusat perdagangan

Pengurusan perdagangan

Hubungan luar

# Empayar yang luas

- Meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan pantai timur Sumatera.
- Terdiri daripada tanah jajahan dan naungan .

## Cara Pembentukan Empayar

### Penaklukan

- Bertujuan menjamin keselamatan dan kemakmuran Kesultanan Melayu Melaka
- Kawasan taklukan di Semenanjung Tanah Melayu – Kuala Linggi, Beruas, Pahang, Terengganu dan Kelantan
- Kawasan taklukan di Sumatera – Siak, Rokan, Kampar dan Rupat

## Naungan

- Terdapat pemerintah kerajaan lain yang rela bernaung di bawah Kesultanan Melayu Melaka
- Raja yang berada di bawah naungan Melaka ditabalkan oleh sultan Melaka
- Misalnya , kerajaan Lingga , Patani dan Kedah

## Perkahwinan

- Berlaku antara Sultan Melaka dengan puteri diraja kerajaan lain
- Kesan :
  - Memperkuuh hubungan persahabatan dan kekeluargaan antara kerajaan Melaka dengan kerajaan lain
  - Meluaskan pengaruh Melaka (Perkahwinan Sultan Mansur Shah dengan Puteri Majapahit, Raden Galuh Cendera Kirana)

# Kepentingan Pembentukan Empayar

Politik	Ekonomi	Sosial	Agama
<ul style="list-style-type: none"><li>Meluaskan wilayah dan jajahan takluk</li><li>Mengukuhkan hubungan dengan kerajaan yang ditakluk</li><li>Menyekat pengaruh kuasa serantau seperti Siam, Majapahit dan Pasai</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Menerima hadiah dalam bentuk wang , emas , timah dan bantuan ketenteraan</li><li>Mendapat bekalan untuk diperdagangkan di pelabuhan Melaka seperti hasil pertanian , rempah -ratus dan bijih timah</li><li>Menguasai perdagangan di Selat Melaka</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Berlaku asimilasi budaya tempatan dengan budaya dari Arab, India, China dan Alam Melayu</li><li>Wujud masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai suku dan bangsa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Mendorong usaha penyebaran agama Islam</li><li>Islam berkembang luas ke Pahang, Kelantan, Perak, timur Sumatera dan Patani</li></ul>

Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

# Pentadbiran Empayar

Pentadbiran pusat

- Pusat pemerintahan dan pentadbiran di Melaka
- Terletaknya tempat raja bersemayam
- Raja dibantu oleh pembesar pusat

Pentadbiran Kawasan Naungan

- Kawasan yang mengakui ketuanan Melaka dan menghantar ufti
- Pemerintah negeri mengetuai pemerintahan dibantu oleh pembesar tempatan

Pentadbiran Kawasan Jajahan

- Pemerintahan diketuai oleh pemerintah yang dilantik oleh Sultan Melaka



*Peta empayar Kesultanan Melayu Melaka*

Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

© Alaf Sanjung Sdn. Bhd. (516756-V)

Back

Next

# Pusat Penyebaran Agama Islam

- Samudera -Pasai dan Perlak merupakan kerajaan awal yang menerima pengaruh Islam di Alam Melayu .
- Kemudian , Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam yang unggul di Alam Melayu pada abad ke-15kesan daripada pengislaman pemerintah .



*Peta kawasan pengaruh Islam ke Alam Melayu*

Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

## Cara Penyebaran Agama Islam



### Pengislaman pemerintah

- Sultan Iskandar Shah memeluk Islam pada tahun 1414 diikuti oleh para pembesar dan rakyat
- Sultan Muzaffar Shah menjadikan Islam sebagai agama rasmi Kesultanan Melayu Melaka

### Perkahwinan

- Puteri Sultan Mansur Shah berkahwin dengan putera Raja Siak

### Peranan ulama dan mubaligh

- Ulama dan mubaligh dihantar oleh pemerintah Melaka ke seluruh kawasan pengaruhnya
- Ulama dari Timur Tengah dan India seperti Maulana Abu Bakar dan Maulana Yusuf menyebarkan ajaran tasawuf dan sufi
- Ulama dihantar oleh Sultan Alauddin Riayat Shah untuk mengajar Raja Pahang, Kampar dan Inderagiri mengenai hal ehwal agama

## Perdagangan

- Selain berjual beli , para pedagang yang datang dari Arab, India dan China turut memiliki sifat mubaligh yang mendorong penyebaran Islam
- Dari Melaka, mereka turut menyebarkan Islam ke kawasan lain yang disinggahi seperti Brunei, Filipina dan kepulauan Indonesia

## Peluasan kuasa

- Negeri naungan dan jajahan memeluk Islam sebagai tanda taat setia kepada pemerintah Melaka

## Kesan Penyebaran Agama Islam

### Tumpuan ulama

Melaka menjadi tumpuan ulama dan pendakwah . Sultan Melaka menjadi penaung kepada aktiviti dakwah dan perbincangan kitab agama seperti *Darul Manzum*

### Tempat pembelajaran

Madrasah, masjid dan surau menjadi tempat mempelajari al-Quran dan ilmu tasawuf semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah

### Persuratan

Saduran karya sastera dari Arab dan Parsi seperti *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah* menerima pengaruh Islam . Tulisan Jawi dan bahasa Melayu juga turut berkembang . Bahasa Melayu menjadi bahasa persuratan dan bahasa penulisan

### Pemerintahan dan pentadbiran

Undang-undang Islam terkandung dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* . Ulama memiliki peranan pentadbiran, manakala jawatan mufti dan kadi diwujudkan untuk kelicinan pengurusan agama Islam


# Pusat Perdagangan

- Pelabuhan Melaka berperanan sebagai :
  - Pusat perdagangan yang penting dalam mengendalikan perdagangan antarabangsa
  - Pelabuhan entrepot yang mengumpulkan barang dari Alam Melayu
  - Pusat pengedaran barang dari timur dan barat ke Alam Melayu

# Faktor Kemunculan Melaka sebagai Pusat Perdagangan dan Pelabuhan Entrepot

## Kedudukan strategik

- Melaka terletak di laluan perdagangan antara India dengan China
- Kedudukan yang strategik di Selat Melaka ini menyebabkan Melaka menjadi tumpuan pedagang dari dalam dan luar Alam Melayu
- Kesannya , Melaka muncul sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan yang maju



Peta menunjukkan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa

Only authorised schools / purchasers are allowed to use this product, action will be taken against any unauthorised distribution or sharing of this product.

## Pusat pengumpulan dan pengedaran pelbagai barang

- Antara barang yang dikumpul dan diedarkan kepada pedagang luar termasuklah timah , emas , kapur barus , hasil hutan dan rempah -ratus yang diperoleh daripada negeri naungan dan jajahan serta kawasan sekitar Alam Melayu
- Manakala barang luar yang dibawa masuk ke Melaka seperti benang emas , kain pelikat , batu delima , tembikar , wangian dan bahan makanan
- Kepelbagaian barang dagangan ini membuktikan pelabuhan Melaka sebagai emporium yang maju

## Dikunjungi pedagang dari dalam dan luar Alam Melayu

- Pedagang Arab, China dan Gujerat merupakan pedagang yang paling ramai mengunjungi pelabuhan Melaka
- Pedagang Pasai dan Jawa pula merupakan pedagang yang paling ramai dari Alam Melayu
- Pedagang lain dari Brunei, Pegu ,Parsi ,Turki ,Mesir ,Luzon, Ceylon, Burma, Kemboja ,Champa dan Annam turut berkunjung ke pelabuhan Melaka

## Pusat perkapalan

- Pelbagai jenis kapal besar dan kecil berkunjung ke pelabuhan Melaka
- Kapal kecil –perahu,sam pan, ghurab,penjajap,sagur,payar,baluk, lancang,kakap,balang dan kelulus
- Kapal besar –jong dan bahtera

# Pengurusan Perdagangan

- Kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan lancar dan teratur disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut .

**Pengurusan perdagangan yang cekap dan teratur oleh syahbandar**

Antara tugas syahbandar ialah :

- (a) Mengurus pasar dan gudang
- (b) Menjaga kebijakan serta keselamatan pedagang
- (c) Memeriksa alat timbang , sukat dan mata wang
- (d) Menjadi hakim di pelabuhan
- (e) Mengurus cukai
- (f) Menguatkuasakan peraturan keluar masuk kapal

## Cukai perdagangan yang rendah

- Pengurusan cukai barang dan pelabuhan yang rendah , cekap dan sistematik telah menarik minat pedagang ke Melaka
- Cukai dan bayaran surat kebenaran bernesara di pelabuhan menjadi sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka
- Terdapat dua jenis cukai yang dikenakan , iaitu :
  - (a) **Cukai rasmi** – cukai import yang dikenali sebagai *panduan* dan mempunyai kadar yang berbeza-beza mengikut tempat asal pedagang . Misalnya , pedagang dari Arab , India , Ceylon , Siam dan Pegu dikenakan cukai sebanyak 6% , manakala pedagang dari Alam Melayu sebanyak 3%. Bahan makanan seperti beras tidak dikenakan cukai.
  - (b) **Cukai tidak rasmi** – cukai dalam bentuk hadiah . Pedagang dari China dan Jepun hanya perlu memberikan hadiah yang memiliki nilai yang sama dengan cukai 5%.

## Penggunaan sistem tukar barang dan mata wang

- Urusan jual beli dijalankan dalam bentuk :
  - (a) Pertukaran barang
    - Berlaku antara barang dari China dan Alam Melayu dengan barang dari Barat dan India
  - (b) Penggunaan mata wang
    - Pada peringkat awal, tukaran nilai seperti jongkong timah, serbuk emas dan kulit siput (*cowrie*) digunakan
    - Mata wang timah yang digunakan pula dikenali sebagai Calains. Nam a Sultan Melaka yang memerintah dipahat pada kepingan timah ini.
    - Terdapat juga mata wang emas dan perak
    - Mata wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay juga digunakan


## Peranan Orang Laut

- Orang Laut memberikan taat setia kepada raja dan berperanan dalam memastikan urusan perdagangan dapat dijalankan tanpa gangguan
- Antara peranan Orang Laut ialah :
  - (a) Menjadi pelayar dan penunjuk arah kepada pedagang
  - (b) Sebagai tentera untuk menjamin keselamatan pedagang di perairan Melaka

## Kemudahan pelabuhan

- Antara kemudahan yang disediakan di pelabuhan ialah :
  - (a) Gudang tempat menyimpan barang
  - (b) Kemudahan pengangkutan
  - (c) Kemudahan bekalan makanan dan minuman
  - (d) Khidmat membaiki kapal
  - (e) Tempat penginapan
  - (f) Syahbandar yang menjaga kebajikan pedagang
  - (g) Kemudahan tempat beribadat

# Hubungan Luar



## Pasai

- Hubungan berlaku atas dasar :
  - sama taraf
  - berkongsi pendapat dan perbincangan berkaitan hal agama Islam
- Hubungan diplomatik terjalin melalui perkahwinan Sultan Melaka dengan puteri kerajaan Pasai, iaitu Puteri Ratna Kaum ala
- Kesan hubungan – Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam

## Demak

- Hubungan berlaku atas dasar kepentingan bersama dalam perdagangan dan penyebaran Islam
- Antara barang yang dibekalkan oleh kerajaan Demak kepada Melaka – beras, bahan makanan, rempah-ratus dan tentera
- Kesan hubungan – menjamin keamanan dan kemakmuran Melaka

## Majapahit

- Hubungan terjalin disebabkan oleh perkahwinan pemerintah Melaka dengan puteri Majapahit , iaitu Sultan Mansur Shah dengan Raden Galuh Cendera Kirana
- Kesan hubungan – mengukuhkan persahabatan dan menjadikan wilayah Melaka semakin luas serta menamatkan ancaman daripada Majapahit

## Makasar

- Utusan persahabatan dihantar ke Makasar
- Hubungan berlaku dalam pelbagai aspek – perdagangan, perkapalan, Islam , kebudayaan dan kesenian
- Bertambah rapat dengan kerajaan Makasar menghadiah "Budak Raja" kepada Sultan Melaka

## China

- Kunjungan utusan yang diketuai oleh Yin Ching pada tahun 1403 dan Laksamana Zheng He pada tahun 1405 telah membentuk hubungan diplomatik, persahabatan dan perdagangan
- Kerajaan China mengurniakan payung kuning, cap mohor dan sepersalinan pakaian sebagai tanda pengiktirafan kepada Sultan Melaka
- Melaka turut mendapat naungan dan perlindungan daripada China
- Pengiktirafan dan perlindungan ini dapat mengelakkan ancaman Siam kerana Melaka mahu situasi menang-menang dengan Siam bagi mengekalkan kedaulatannya

## Ryukyu (Jepun)

- Menjalankan hubungan diplomatik dan perdagangan
- Sultan Mansur Shah berutus surat dengan kerajaan Ryukyu berkaitan tingkah laku pedagangnya yang melanggar undang-undang di Melaka
- Kesan hubungan — meningkatkan perdagangan dengan Melaka

## Siam

- Semasa pemerintahan Parameswara dan Sultan Muzaffar Shah, Melaka pernah diancam oleh Siam
- Hubungan Melaka -Siam terjalin atas dasar diplomatik dan perdagangan
- Melaka menghantar utusan ke Siam yang diketuai oleh Tun Telanai dan Menteri Jana Putera
- Kesan hubungan – Melaka menerima bekalan kayu jati, beras dan bahan makanan daripada Siam serta dapat menjam min keselamatan nya

## Kerajaan lain

- Melaka menjalinkan hubungan perdagangan dengan Pegu, Luzon, Gujerat, Koromand dan Bengal
- Melaka juga menjalinkan hubungan dengan Mesir, Parsi, Turki dan Arab
- Kesan hubungan – Melaka muncul sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam yang ulung di Alam Melayu

Kegiatan perdagangan merupakan kegiatan ekonomi yang terpenting di Alam Melayu. Barang dagangan dari Alam Melayu menjadi tarikan pedagang luar.

2 (a) Apakah barang dagangan yang didagangkan oleh kerajaan di Alam Melayu?

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....

[3 markah]

(b) Apakah faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan kegiatan perdagangan di Alam Melayu?

---

---

---

[3 markah]

(c) Gambar berikut merupakan sebuah pelabuhan di Malaysia.



Pelabuhan Labuan

Sumber: <https://malaysiagazette.com/2021/07/24/pkr-bantah-buka-semula-pelabuhan-labuan/>

Mengapakah pelabuhan penting dalam urusan perdagangan?

---

---

---

---

[4 markah]

**Bahagian B**  
[40 markah]  
*Jawab semua soalan.*

Sejak abad pertama, terdapat petempatan yang telah berkembang menjadi kerajaan dan mencapai kemasyhurannya di Alam Melayu.

- 1 (a) Namakan tiga kerajaan Alam Melayu yang masyhur.

- i. ....  
ii. ....  
iii. ....

[3 markah]

- (b) Mengapakah kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan di China dan India?

---

---

---

---

---

---

[3 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah peranan seseorang pemimpin supaya hubungan baik dengan negara lain sentiasa terpelihara?

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

**Bahagian C**

[20 markah]

*Jawab mana-mana satu soalan daripada bahagian ni.*

Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan gemilang di Alam Melayu kerana lokasi yang strategik dan kebijaksanaan pemerintahnya mentadbir.

- 1 (a) Jelaskan faktor-faktor yang mendorong Parameswara memilih kawasan muara Sungai Bertam untuk mengasaskan kerajaan?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]

- (b) Terangkan aspek berkaitan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka berikut:

(i) Empayar yang luas

*atau*

(ii) Pusat penyebaran agama Islam

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[6 markah]